

→ PENDIDIKAN

Pendidikan TVET jadi pilihan utama

➔ **Kemasukan sesi Jun 2018 meningkat tiga kali ganda daripada jumlah ditawarkan**

Oleh Nor Azma Laili
norazma@bh.com.my

➔ **Shah Alam**

Pernahobanan untuk ke politeknik dan kolej komuniti bagi sesi kemasukan 2018/2019 meningkat tiga kali ganda berbanding sesi lalu, sekali gus meningkatkan institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) itu menjadi pilihan utama pelajar. Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan

Kolej Komuniti (JPPKK), Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz, berkata peningkatan dalam jumlah permohonan dan kemasukan pelajar baharu setiap tahun itu membuktikan politeknik dan kolej komuniti menawarkan program pendidikan yang mampu memenuhi keperluan industri pada masa depan.

Katanya, bagi sesi kemasukan Jun lalu, seramai 32,238 pelajar menyambungkan pengajian di 36 politeknik, selain kolej komuniti di seluruh negara memahitkan pelbagai program.

"Pemeriksaan TVET dan kadar kebolehpasaran graduan politeknik serta kolej komuniti yang tinggi, iaitu masing-masing 94.5 dan 97.2 peratus pada tahun lalu turut memberi impak positif kepada pelajar baik dalam peluang menyambung pengajian

ke universiti teknikal atau mendapatkan pekerjaan.

"Pelbagai usaha turut diadakan bagi memperkukuhkan TVET seperti program *townhall* bagi mendapatkan reaksi dan maklum balas daripada semua pemegang turuh termasuk pelajar. Ibu bapa, masyarakat dan industri yang akan bermula pada 6 September ini," katanya.

Lebih pengiraan

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018, di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini, semalam.

Yang turut hadir: Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail, Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka



CAMBAR OLEH FAIZ ANUAR

Mohd Ismail bersama pemenang tempud pertama kategori dikir barat Kumipulan Gema Perindia dari Politeknik Kota Kinabalu pada majlis penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka 2018 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Politeknik Malaysia mula diperkenalkan pada 2011 di Politeknik Lingku Omar bagi mewujudkan platform untuk menjalankan perpaduan dan menanam sikap cinta tanah negara dalam kalangan pelajar melalu-

tu kebudayaan, warisan serta kesenian. Sempena festival itu, pelbagai acara diadakan termasuklah dikir barat, solekan berkarakter, nyanyian lagu patriotik, pertandingan fotografi dan potret.

Politeknik Kota Kinabalu, Sabah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018, sekali gus membawa pulang pingat pusingan.